

15 JAN 2003

Mahathir-Pegawai

KAKITANGAN KERAJAAN DISERU JANGAN DIPENGARUHI PERASAAN TIDAK BERASAS

KOTA BAHARU, 15 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan kakitangan kerajaan agar tidak membiarkan diri mereka dipengaruhi dengan perasaan yang tidak berasas sehingga tidak mahu memberi kerjasama kepada kerajaan.

Perdana Menteri berkata membiarkan diri mereka dipengaruhi perasaan yang tidak berasas seperti marah dan benci kepada kerajaan, hanya akan merugikan diri mereka sendiri dan boleh merosakkan negara.

"Kita tidak boleh bersikap seperti manusia yang membakar kelambu kerana marah kepada nyamuk. Kelambu yang dimaksudkan ialah negara kita sendiri, kalau kita rosakkan negara kerana kita marah kepada sesuatu, yang menjadi mangsa ialah kita sendiri," katanya ketika berucap pada majlis makan malam pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan di sini, malam ini.

Perdana Menteri dan Isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali adalah dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Kelantan, bermula hari ini.

Beliau berkata untuk memastikan Malaysia mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, pihak pentadbir dan kerajaan perlu meningkatkan lagi kerjasama dengan melaksanakan apa yang dirancang untuk membangunkan negara.

Kata beliau selama ini kakitangan kerajaan telah memberi kerjasama yang baik kepada kerajaan.

Kejayaan paling besar bagi kerajaan dan kakitangannya ialah apabila Malaysia muncul sebagai sebuah negara maju, katanya.

Beliau yakin matlamat itu boleh dicapai memandangkan kakitangan kerajaan cukup terlatih dan kesediaan mereka untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan.

"Saya percaya bahawa maju mundur sesebuah pentadbiran bergantung kepada kewibawaan dan keikhlasan pegawai yang menjalankan tugas," katanya.

Perdana Menteri berkata kemajuan yang dicapai Malaysia adalah luar biasa sebab tidak ada negara membangun lain mencapai kemajuan seperti negara ini.

-- BERNAMA

BD HM